

14 MAY 1996

Mahathir-Amerika

MAHATHIR AKAN TEMUI ANGGOTA KONGRES AMERIKA DI WASHINGTON

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui beberapa anggota kongres Amerika Syarikat (AS) pada majlis makan tengah hari kongres di Washington 21 Mei ini semasa lawatan ke negara itu.

Antara anggota kongres yang dijangka menghadiri jamuan makan yang dianjurkan bersama oleh Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) dan Majlis Amerika-Asean di Washington adalah Senator Christopher Bond, John Chaffee, William Cohen, John Glenn, Sam Nunn, Chuck Robb dan Joe Lieberman.

Pada hari yang sama Perdana Menteri akan menghadiri majlis jamuan teh dengan sekumpulan pegawai eksekutif terpilih dari Malaysia dan Amerika Syarikat untuk berbincang mengenai "Hubungan Perniagaan Malaysia-Amerika", kata Naib Presiden Eksekutif Asli, Michael Yeoh dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata perbincangan itu akan menumpukan kepada masa depan hubungan Malaysia-Amerika dan peranan yang harus dimainkan oleh sektor swasta.

Dr Mahathir juga dijadualkan membuka "Perkongsian Teknologi dan Perniagaan Malaysia-Amerika: Dialog San Francisco" di San Francisco pada 20 Mei. Dialog itu dijangka membabitkan 200 peserta peringkat tinggi.

Antara 90 pemimpin korporat Malaysia yang akan mengiringi Dr Mahathir ke dialog itu ialah Pengerusi Eksekutif Renong Berhad Tan Sri Halim Saad, Pengerusi Arab-Malaysian Merchant Bank Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Penerbangan Malaysia serta Technology Resources Industries Berhad Tan Sri Tajudin Ramli dan Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad Tan Sri Ani Arope.

Perdana Menteri yang kini berada dalam rangka lawatan kerja ke Jepun, dijangka tiba di San Francisco dari Tokyo pada 18 Mei dan akan menghadiri majlis jamuan teh anjuran Yayasan Asia pada keesokannya.

Yeoh berkata, Dr Mahathir juga akan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat-syarikat Amerika dan Malaysia.

Asli dan Majlis AS-Asean juga akan mengadakan perbincangan meja bulat mengenai "Perkongsian AS-Malaysia: Memperkukuhkan Hubungan Ekonomi dan Komersil: Isu-isu dan Peluang-peluang: di Washington pada 21 Mei.

Yeoh berkata perbincangan meja bulat itu akan dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang akan memperluaskan lagi dialog sektor swasta antara kedua-dua negara. -- BERNAMA

ES PR